

SKEMA JAWAPAN

2.3 UJI DIRI

Skema Latihan 2:

i) Jenis pendahuluan di bawah ialah pendahuluan jenis definisi.

ii) **Tajuk: Gejala Sosial**

Gejala sosial bermaksud perbuatan buruk atau negatif yang dilakukan oleh segenap anggota 3)masyarakat. Hal ini jika tidak dibendung mungkin akan mengakibatkan pelbagai masalah kepada masyarakat. Kini, gejala ini membabitkan golongan 4)muda yang akan menjadi pewaris pucuk pimpinan negara ini, malah gejala ini melibatkan pelajar 5) sekolah. Antara kes yang membabitkan pelajar sekolah ialah ponteng sekolah, mengugut guru, merosakkan harta benda awam, membuli pelajar 2)junior sehingga menyebabkan kematian, dan sebagainya. Manakala, kes-kes yang membabitkan golongan muda ialah penyalahgunaan dadah, curi motosikal, pecah rumah, lumba haram, dan sebagainya. Masalah ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Oleh itu, langkah 1)kerajaan mengadakan Program Latihan Khidmat Negara merupakan satu langkah wajar untuk membendung gejala sosial dalam kalangan remaja. Selain itu, langkah-langkah lain, perlu dijalankan untuk membendung gejala sosial yang membabitkan golongan

skema latihan 3.1

Ayat Tema	Perangkaan terbaharu yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat berhubung dengan gejala negatif dalam kalangan remaja amatlah menggerunkan kita.
Ayat Rangsangan	Lebih kurang 71 peratus golongan remaja berusia antara 13 hingga 21 tahun didapati merokok, 40 peratus menonton video lucu, 28 peratus terlibat dengan perjudian, dan 14 peratus menagih dadah.. Kes-kes jenayah yang membabitkan remaja meningkat dengan pesatnya, serancak pertumbuhan ekonomi negara.
Ayat Arahan (Kehendak/tugasannya soalan)	Sesungguhnya, pelbagai pihak memainkan peranan bagi membendung masalah ini.

skema latihan 3.2

Ayat Tema	Budaya makan di luar sudah menjadi cara hidup bagi kebanyakan penduduk di Malaysia lantaran begitu banyak gerai dan restoran yang bagai cendawan tumbuh selepas hujan.
Ayat Rangsangan	Mengapakah sesebuah keluarga perlu makan di luar? Mungkin ramai yang bersetuju bahawa tidak salah sesekali makan di luar rumah. Namun, persoalannya mengapakan ada sesetengah keluarga di Malaysia menjadikan tabiat makan di luar sebagai amalan setiap kali waktu makan? Adakah mereka sudah terlalu kaya atau tidak tahu memasak?
Ayat Arahan (Kehendak/tugasan soalan)	Persoalannya, apakah kesan budaya ini kepada gaya hidup masyarakat?

skema latihan 3.3

Ayat Tema	Inflasi ialah kenaikan harga barang dan perkhidmatan untuk jangka masa yang tertentu. Inflasi tercetus apabila terdapat lebihan permintaan daripada penawaran bagi barang dan perkhidmatan.
Ayat Rangsangan	Pada masa ini , Malaysia mengalami kadar inflasi yang rendah iaitu pada kadar 3.5 peratus, namun hal berkenaan tetap meresahkan rakyat terutama dalam kalangan mereka yang berpendapatan rendah.Hal itu, bermakna beban kewangan mereka akan semakin menghimpit lalu kehidupan mereka semakin sempit.
Ayat Arahan (Kehendak/tugasan soalan)	Oleh itu, usaha untuk menanganinya harus difikirkan bersama-sama.

Skema Latihan 4.1

BARISAN KOTAK A

Hal berkenaan semakin memeningkan kepala semua pihak lalu pelbagai cadangan telah diajukan bagi membendung gejala ini. Oleh itu, timbul cadangan agar hukuman rotan diadakan semula untuk menghukum mereka yang melanggar disiplin atau melakukan kesalahan jenayah atau salah laku di sekolah.

Namun begitu, punca masalah ini mestilah dikenal pasti terlebih dahulu.

Masalah disiplin dalam kalangan pelajar semakin membimbangkan. Malah, setiap hari ada sahaja laporan tentang pelanggaran disiplin tidak kiralah sama ada melibatkan kesalahan yang kecil atau kesalahan yang besar oleh golongan pelajar.

BARISAN KOTAK B

ayat tema

ayat rangsangan

ayat arahan

Skema Latihan 4.2

Masalah disiplin dalam kalangan pelajar semakin membimbangkan. Malah, setiap hari ada sahaja laporan tentang pelanggaran disiplin tidak kiralah sama ada melibatkan kesalahan yang kecil atau kesalahan yang besar oleh golongan pelajar. Hal berkenaan semakin memeningkan kepala semua pihak lalu pelbagai cadangan telah diajukan bagi membendung gejala ini. Oleh itu, timbul cadangan agar hukuman rotan diadakan semula untuk menghukum mereka yang melanggar disiplin atau melakukan kesalahan jenayah atau salah laku di sekolah. Namun begitu, punca masalah ini mestilah dikenal pasti terlebih dahulu.

Skema Latihan 5.1


PETIKAN 2

Sikap tersebut memang baik jika ada dalam diri, tetapi apakah kad kredit harus diberi keutamaan atau menjadi agenda utama hidup remaja?	2
Sebenarnya kita bangga jika remaja kita menjadi manusia yang berkerjaya, berwang, mahu bersaing dengan orang lain, dan tidak mahu diri diperkecil oleh orang lain.	1

PETIKAN 3

Mungkin mereka menganggap kad kredit lambang prestij, selain mudah kerana tidak perlu membawa wang tunai yang banyak.	2
Tetapi persoalannya, benarkah kad kredit lambang manusia berprestij atau sebenarnya mereka ingin menunjukkan kemegahan sebagai manusia “berwang” walaupun sebenarnya akaun simpanan kosong?	3
Jika orang dewasa menggunakan kad kredit, bukanlah sesuatu yang pelik, tetapi bagi remaja yang baru bekerja atau masih menuntut menggunakan kad kredit, memang membimbangkan kita.	1

Skema Latihan 5.2



Skema Latihan 5.3

Mengapa menggunakan kad kredit? Tanpa kad kredit, apakah diri akan dituduh ketinggalan zaman? Jika orang dewasa menggunakan kad kredit, bukanlah sesuatu yang pelik, tetapi bagi remaja yang baru bekerja atau masih menuntut menggunakan kad kredit, memang membimbangkan kita. Mungkin mereka menganggap kad kredit lambang prestij, selain mudah kerana tidak perlu membawa wang tunai yang banyak. Tetapi persoalannya, benarkah kad kredit lambang manusia berprestij atau sebenarnya mereka ingin menunjukkan kemegahan sebagai manusia “berwang” walaupun sebenarnya akaun simpanan kosong? Sebenarnya kita bangga jika remaja kita menjadi manusia yang berkerjaya, berwang, mahu bersaing dengan orang lain, dan tidak mahu diri diperkecil oleh orang lain. Sikap tersebut memang baik jika ada dalam diri, tetapi apakah kad kredit harus diberi keutamaan atau menjadi agenda utama hidup remaja

